

## Sumbangan PIBG Terhadap Kesepaduan Sosial di Sekolah

**BITARA**Volume 4, Issue 1, 2021: 107-117  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

### [The PTA (Parent-Teacher Association) Contribution Towards Social Cohesion at Schools]

Siti Aisyah Mat Saad<sup>1</sup> & Musirin Mosin<sup>1</sup>**Abstrak**

PIBG berperanan memberikan sokongan kepada pihak sekolah dalam pelbagai aspek. Ini termasuk sumbangan sukarelawan mahupun material bagi kesejahteraan anak mereka di sekolah. Dalam konteks kajian ini PIBG tidak ketinggalan dalam memberikan sokongan terhadap kesepaduan sosial di sekolah melalui bantuan material, menghadiri program, memberikan sumbangan nasihat dan tenaga di sekolah. Kajian ini diharapkan dapat menjelaskan peranan PIBG terhadap kesepaduan sosial di sekolah melalui beberapa kaedah. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian, dan dokumentasi. Sebanyak tiga belas orang guru dan sembilan buah sekolah terlibat dalam kajian ini. Hakikatnya PIBG sangat diperlukan dalam menyokong institusi pendidikan dalam mencapai kesepaduan sosial di sekolah.

**Kata kunci:**

PIBG, Kesepaduan Sosial, Sokongan Sekolah.

**Abstract**

The PTA plays a huge role in supporting schools in various of aspects. This ranges from voluntary donations to materials that can improve their child's wellbeing in school. In the context of this research, the PTA is very much involved in supporting the social cohesion initiatives at school by providing support materials, attending programs as well as giving out advices and performing manual labor around the school. It is hoped that through this research, the role of the PTA towards social cohesion in schools can be demonstrated through a few methods. This research was conducted qualitatively through the use of interviews, observation and documentation. In total, 13 teachers and 9 schools participated in this research. Fact of the matter is that the PTA is very much needed in supporting educational institutions to achieve social cohesion at schools.

**Keywords:**

PTA, Social Cohesion, School Support.

**Cite This Article:**

Siti Aisyah Mat Saad & Musirin Mosin. 2021. Sumbangan PIBG terhadap kesepaduan sosial di sekolah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 107-117.

<sup>1</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

**Corresponding Author:**

MUSIRIN MOSIN, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

\*E-mail: musirin@ums.edu.my

## Pengenalan

Kesepaduan sosial dari sudut istilahnya merujuk kepada perkataan “padu” yang membawa maksud bergabung hingga menjadi kukuh (Noresah 2005). Manakala sosial pula bermaksud segala sesuatu yang berkenaan dengan masyarakat. Sosial juga membawa maksud pergaulan dalam masyarakat (Noresah 2005). Kesepaduan sosial ini adalah salah satu hasrat kerajaan demi mencapai masyarakat yang aman dan harmoni. Dalam konteks negara Malaysia, kesepaduan sosial terhasil daripada kontrak sosial yang telah dibina oleh masyarakat melalui beberapa perjanjian dan norma.

Kajian ini akan membincangkan tentang sumbangan persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) terhadap kesepaduan sosial di sekolah. Kajian ini akan mengenal pasti sokongan PIBG terhadap kesepaduan sosial dan sekali gus meneroka peranan PIBG di sekolah. PIBG adalah persatuan berdaftar yang menggabungkan guru dan ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah di sekolah tertentu. PIBG ditubuhkan adalah bertujuan perkhidmatan kebajikan murid, membantu sekolah memenuhi keperluan, bertukar-tukar fikiran antara ibu bapa dan guru, memperbaiki taraf pendidikan murid, dan membantu menambah kewangan sekolah serta kemudahan fizikal pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Perlembagaan PIBG: Akta Pendidikan 1996).

Hubungan ibu bapa dan guru adalah suatu hubungan yang istimewa dan ini membolehkan sekolah mendapatkan bantuan atau sokongan daripada PIBG (Zainon & Ahmad 2008). Namun begitu, hubungan guru dengan ibu bapa dikatakan kurang dan dianggap sebagai bukan keutamaan (Robbins & Alvy 1995). Hal demikian seharusnya tidak berlaku dalam organisasi sekolah yang seharusnya mempunyai komunikasi dua hala dan ibu bapa diharapkan dapat membantu sekolah dari aspek material mahupun perkhidmatan dari pelbagai aspek. Misalnya khidmat nasihat dan bantuan tenaga dalam program di sekolah.

Isu perpaduan dikatakan belum kukuh dalam kalangan masyarakat walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaan sekian lama (Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin, 2011). Ini dapat dilihat dalam bidang pendidikan mahupun politik dan ekonomi. Dalam bidang pendidikan, sistem pendidikan yang terpisah menunjukkan bahawa sukarnya bagi mencapai kesepaduan sosial itu sendiri.

Isu kerjasama ibu bapa dalam mencapai pelajar yang berakhlak mulia dan bukan sahaja perlu diserahkan kepada pihak sekolah. Ini kerana negara memerlukan warganegara yang beradab dan berakhlak mulia (Anik Ghufron, 2010). Semua pihak harus bekerjasama dalam mencapai integrasi nasional (Akhmal Annas Hasmori, 2011) dan sekali gus mencapai objektif negara dalam aspek keamanan dan keharmonian.

Kerjasama daripada ibu bapa ini penting dan diperlukan kerana berlakunya kelompangan guru dalam menerapkan nilai dan kepelbagaian budaya di sekolah (Najeemah 2006; Nurhijrah Zakaria et.al 2017) berikutan kekangan-kekangan yang tidak dapat dielakkan, misalnya kekangan masa dan mengejar sukatan mata pelajaran. Ibu bapa menyerahkan hal mendidik anak mereka kepada guru namun, hal tersebut sebenarnya tidak semestinya berlangsung dan terjadinya kekangan daripada pihak sekolah.

Hakikatnya, sokongan daripada ibu bapa dan komuniti sangat diperlukan bagi membentuk peribadi pelajar. Pelbagai sokongan boleh diberikan kepada pihak sekolah

antaranya melalui bentuk material dan sumbangan perkhidmatan atau tenaga. Sikap bagai enau dalam belukar yang melepaskan pucuk masing-masing haruslah ditegah dan dihindari demi mencapai hasrat negara.

## **Kajian Literatur**


Kesepaduan sosial adalah suatu yang diharapkan oleh masyarakat agar dapat hidup dalam keadaan yang aman dan damai tanpa ada persengketaan. Kesepaduan sosial dapat melahirkan masyarakat yang dapat berinteraksi antara satu sama lain melalui budaya (Mohd Yusof Abdullah, 2016). Kepelbagaian budaya yang dianuti oleh masyarakat seharusnya diraikan dan difahami bersama demi memastikan kefahaman yang mendalam antara masyarakat. Ini kerana melalui kesepaduan sosial, masyarakat harus saling memahami dan hidup bersama (Jenson, 1998). Masyarakat Malaysia hidup dalam situasi kontrak sosial yang dibentuk oleh perjanjian Malaysia dan harus hidup dengan aman dan harmoni dengan ikatan kontrak sosial (Shamsul Amri Baharuddin, 2012) yang dibina melalui sikap tolak ansur dan aman damai. Ini kerana masyarakat tidak akan dapat menolak interaksi sosial yang boleh berlaku melalui ekonomi, pendidikan, atau politik ini.

Kesepaduan sosial bukan sahaja melibatkan masyarakat berbilang kaum tetapi boleh melibatkan hubungan yang terikat melalui sejarah dan sempadan tempat tinggal (Mohd Yusof Abdullah, 2016), misalnya sempadan Kalimantan Indonesia dan Sarawak Malaysia. Perkongsian bahasa dan budaya juga boleh menjadi ikatan sosial yang boleh mewujudkan kesepaduan sosial antara mereka.

Kesepaduan sosial juga merujuk kepada proses melahirkan perasaan kebersamaan dan kekitaan (Judith Maxwell, 1996: Nur Azuki Yusuff, 2016). Interaksi dalam kalangan masyarakat penting bagi mewujudkan semangat kebersamaan dalam pelbagai situasi misalnya ekonomi, sosial dan politik. Komunikasi antara masyarakat penting dalam menjaga hubungan baik antara masyarakat (Mohd. Sharial Bungsu, Rahimah Abdul Aziz, 2016).

Dalam konteks kajian ini, kesepaduan sosial harus diterapkan di sekolah demi menjaga kelangsungan perpaduan sosial antara warga pendidikan. Banyak kajian yang telah dilakukan terhadap kesepaduan sosial di sekolah antaranya kajian kesepaduan sosial melalui kurikulum persekolahan di Malaysia oleh Nurhijrah Zakaria (2012) yang menyentuh kesepaduan sosial dalam kurikulum melalui kurikulum terancang dan kurikulum terpendam melalui norma, nilai, dan kebudayaan.

Berikut adalah ringkasan konsep kesepaduan sosial yang merangkumi usaha, rundingan sosial, interaksi, hubungan sosial, semangat kekitaan, kebersamaan, dan memahami budaya.



Rajah 1: Konsep Kesepaduan Sosial

Sumber: Mohd. Sharial Bungsu, Rahimah Abdul Aziz, 2016: Nur Azuki Yusuff, 2016: Shamsul Amri Baharuddin, 2011: Shamsul Amri Baharuddin, 2012: Jenson, 1998: : Maxwell, 1996.

## Metodologi

Kajian ini dijalankan secara kualitatif. Kualitatif adalah kajian yang dilakukan demi mendapatkan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu perkara. Kajian kualitatif juga dapat menjelaskan tingkah laku seseorang atau kumpulan dengan lebih jelas. Oleh yang demikian, kajian kualitatif tidak dapat dijelaskan dalam bentuk angka (Yin 2012). Pemilihan peserta kajian dilakukan secara pensampelan Kajian bertujuan yang melibatkan tiga belas orang peserta kajian. Kajian ini melibatkan sesi temu bual mendalam, pemerhatian, dan dokumentasi.

## Dapatan dan Perbincangan

Dapat kajian ini mendapati bahawa PIBG telah memberi sokongan terhadap kesepaduan sosial di sekolah melalui sokongan melalui aktiviti kesukarelawan, sokongan melalui sambutan perayaan dan sokongan melalui aktiviti kebudayaan. Berikut adalah perincian setiap daripada sokongan tersebut.

## Sokongan PIBG Melalui Aktiviti Kesukarelawan

Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa sokongan PIBG terhadap kesepaduan sosial boleh dilihat melalui aktiviti kesukarelawan. Aktiviti kesukarelawan bermaksud penglibatan ibu bapa dengan apa juga program di sekolah secara sukarela antaranya penglibatan dalam hari pendaftaran, sukan, dan Mesyuarat Agung PIBG.

PIBG terlibat dengan program alumni dan memberikan sumbangan kepada sekolah dalam bentuk kewangan iaitu melalui zakat. Ini telah dijelaskan oleh peserta kajian ke sepuluh yang mengatakan bahawa PIBG telah melibatkan diri dengan akrab dan luas di sekolah tersebut. Penglibatan PIBG dan komuniti yang sangat luas secara tidak langsung memberi ruang interaksi dan komunikasi antara warga sekolah dan ibu bapa sekali gus mengeratkan hubungan antara keduanya dalam melaksanakan apa sahaja program selepas itu.

“Penglibatan sekolah dengan komuniti sangat luas melalui PIBG, Pusat zakat, Alumni dan IKRAM. Pengetua sendiri adalah Alumni dan Su Alumni juga adalah guru di sekolah ini.” P10T10

“Penglibatan sekolah dengan komuniti sangat akrab..” P1T1

Penglibatan PIBG melalui kesukarelawan juga dapat dilihat melalui sukan dan permainan. Menurut peserta kajian, aktiviti sukan dapat menerapkan kesepaduan sosial dalam kalangan warga sekolah di samping dapat menyihatkan badan. PIBG terlibat dalam aktiviti sukan sebagai sukarelawan, misalnya sebagai petugas sukan. Selain itu PIBG terlibat dengan aktiviti permainan bersama warga sekolah misalnya badminton dan bola sepak. Ini dapat mengeratkan hubungan antara ibu bapa dan pihak sekolah dari aspek interaksi dan komunikasi yang berkesan. Hal tersebut telah pun diterangkan oleh peserta kajian melalui temu bual yang telah dilakukan.

“Pihak sekolah menerapkan kesepaduan sosial melalui aktiviti sukan, kokurikulum, bulan kemerdekaan.” P2T2

“PIBG terlibat dengan gotong-royong, majlis-majlis rasmi di sekolah, dan semua aktiviti di sekolah. komuniti juga terlibat dengan permainan bola sepak atau badminton di sekolah.” P4T4

Penglibatan PIBG dalam program-program di sekolah tidak dapat dinafikan lagi oleh peserta kajian iaitu melalui program bersama PIBG dan masyarakat, penglibatan akademik yang melibatkan sekolah-sekolah lain. Ini telah dijelaskan oleh peserta kajian yang pertama bahawa hubungan yang erat membolehkan mereka berkongsi padang dengan sekolah yang berhampiran dan PIBG telah terlibat dengan program teknik menjawab soalan di sekolah.

“Penglibatan sekolah dengan komuniti sangat akrab misalnya perkongsian padang dengan....program bersama PIBG dan masyarakat, dan program teknik menjawab yang melibatkan pelajar daripada beberapa buah sekolah.” P1t1

Selain itu, PIBG juga terlibat dengan program-program lain iaitu ziarah cakna, makan malam amal, larian amal dan gotong-royong di sekolah. Penglibatan ini secara tidak langsung mengeratkan hubungan ibu bapa, guru dan komuniti dalam membentuk kesepaduan sosial dalam kalangan mereka. Ini telah dijelaskan oleh peserta kajian kelima, peserta kajian kesembilan, dan peserta kajian pertama bahawa penglibatan PIBG melalui program-program di sekolah. PIBG juga telah memberikan bantuan kepada pelajar yang miskin dan bekerjasama dalam sebarang gotong-royong di sekolah.

“program ziarah cakna untuk melawat pelajar yang kurang berkemampuan. PIBG terlibat dengan program gotong-royong di sekolah.” P5T5

“Melalui PIBG iaitu program komuniti seperti makan amal dan larian amal  
“P9T9

“Kesepaduan sosial di sekolah ini agak baik melalui penglibatan gotong-royong dengan PIBG, Hari raya terbuka dan Ihya Ramadan.” P2T2

Dasar pintu terbuka yang diamalkan oleh pengetua telah memberi ruang dan peluang kepada PIBG dalam melibatkan diri di sekolah antaranya penganjuran sambutan hari Guru oleh PIBG di sekolah. Hal ini memberikan gambaran sokongan dan penghargaan ibu bapa dan komuniti kepada warga sekolah terutama pentadbir dan guru sekali gus dapat membentuk peribadi dan contoh yang baik dalam kalangan pelajar. Peserta kajian kedua menjelaskan bahawa PIBG di sekolahnya telah menganjurkan hari Guru bagi warga sekolah dan memberikan sumbangan kepada pelajar.

“Pibg akan mengendali hari guru sekolah. Guru akan membawa sumbangan kepada rumah pelajar semasa ramadhan”. P2T2

“Aktiviti PIBG cat kelas... open door, dan hari guru.” P2T2

PIBG juga telah terlibat dalam aktiviti keceriaan sekolah dalam mengeratkan lagi hubungan dengan pihak sekolah, antaranya aktiviti mengecat kelas dan gotong-royong di sekolah.

“Aktiviti PIBG cat kelas, bersihkan kelas anak-anak mereka, program hari raya, *open door*, dan hari guru.” P2T2

“...penglibatan gotong-royong dengan PIBG, Hari raya terbuka dan Ihya Ramadan.” P1T1

Rajah tersebut menjelaskan sokongan PIBG melalui kesukarelawan yang telah berlaku melalui gotong-royong, sukan dan permainan, penglibatan program di sekolah dan keceriaan.



**Rajah 2:** Sokongan PIBG terhadap Kesepaduan Sosial Melalui Kesukarelawan

### Sokongan PIBG Melalui Sambutan Perayaan

Sokongan PIBG terhadap kesepaduan sosial juga boleh diperolehi melalui penglibatan PIBG terhadap sambutan perayaan di sekolah. PIBG terlibat secara langsung dengan sambutan perayaan di sekolah melalui sambutan perayaan Hari Raya dan bulan Ramadhan. Penglibatan PIBG melalui sambutan perayaan ini memberikan gambaran sikap bekerjasama dengan pihak sekolah dan interaksi serta komunikasi yang baik dengan pihak sekolah. Penglibatan PIBG melalui sambutan perayaan ini telah dijelaskan oleh peserta kajian pertama, peserta kajian keempat, dan peserta kajian kedua. Berdasarkan keterangan peserta kajian, penglibatan PIBG melalui sambutan perayaan ini boleh dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu Hari Raya Aidilfitri, Ramadhan, ceramah agama, dan hari kemerdekaan. Penyertaan PIBG dalam sambutan perayaan telah dijelaskan oleh peserta kajian melalui temu bual berikut.

“...penglibatan gotong-royong dengan PIBG, Hari raya terbuka dan Ikhya Ramadan.” P1T1

“Pihak sekolah lebih menumpukan aktiviti sekolah secara .....sukan, persatuan, aktiviti sambutan hari raya, dan sambutan hari kemerdekaan yang melibatkan NGO dan PIBG” P1T1

“Kesepaduan sosial di sekolah ini agak baik melalui penglibatan gotong-royong dengan PIBG, Hari raya terbuka dan Ihya Ramadan.”P2T2

Seterusnya sokongan PIBG melalui sambutan perayaan boleh dilihat melalui sambutan hari kemerdekaan, PIBG dan sekolah mampu menerapkan semangat patriotik kepada negara melalui pelbagai aktiviti kemerdekaan misalnya mengibarkan jalur gemilang dan bacaan sajak kemerdekaan. Malah pihak sekolah dan PIBG telah menjemput pakar akademik bagi menerangkan sejarah dan kemerdekaan negara kepada pelajar melalui program bicara tokoh. Ini telah dijelaskan oleh peserta kajian pertama melalui temu bual yang telah dijalankan.

“Pihak panitia juga mengadakan program bicara merdeka, dengan menjemput DR Nordi Ache bagi menceritakan tentang Rosli dobi di Sarawak. Selain itu aktiviti sukan dan lagu-lagu patriotik”. P1T1


“Program kemerdekaan misalnya aktiviti mengikut bidang kemanusiaan misalnya sajak, pertandingan buku skrap tokoh Sabah, esei perpaduan, sambutan hari kemerdekaan dengan sekolah lain.”P4T4

Sambutan perayaan ini diselitkan juga dengan ceramah agama dan nasyid yang dijemput oleh PIBG dan pihak sekolah. melalui ceramah agama dan nasyid diberikan penekanan terhadap nilai-nilai murni dan akhlak yang dapat menyokong terhadap kesepaduan sosial di sekolah dalam kalangan warga sekolah. demikian temu bual yang dilakukan bersama peserta kajian keenam dan kesembilan.

“ PIBG antaranya menjemput kumpulan nasyid ke sekolah.” P6T6

“Guru-guru membantu aktiviti dalam komuniti melalui penceramah agama...”P9T9

Rajah tersebut menerangkan tentang sokongan PIBG terhadap kesepaduan sosial melalui sambutan perayaan yang merangkumi sambutan hari Raya, Ramadhan, Hari kemerdekaan, dan ceramah agama dan nasyid.



Rajah 3: Sokongan PIBG terhadap Kesepaduan Sosial Melalui Sambutan Perayaan

### Sokongan PIBG Melalui Aktiviti Kebudayaan

Sokongan PIBG terhadap kesepaduan sosial boleh diperoleh melalui sokongan PIBG melalui aktiviti kebudayaan. Aktiviti kebudayaan merangkumi aktiviti yang dapat memperkenalkan budaya dan kefahaman masyarakat yang berbilang kaum, terutama di Malaysia. Kepercayaan



dan budaya yang pelbagai ini dapat menyatukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia melalui interaksi, komunikasi, saling memahami, dan menerima antara satu sama yang lain.

Hasil kajian ini mendapati bahawa sokongan PIBG melalui kebudayaan boleh diperolehi melalui Karnival PIBG yang diadakan. Melalui karnival ini pelbagai program diadakan antaranya sukan, Mahrajan dan permainan dan program kebudayaan. Program Mahrajan adalah program keagamaan yang dibuat antaranya pertandingan pidato dan sajak. Berikut adalah sesi temu bual dengan peserta keenam.

“Program Mahrajan PIBG. Ibu bapa membuat program karnival PIBG...”P6T6

Semasa karnival dan program kebudayaan, warga sekolah digalakkan memakai baju kebangsaan, membawa makanan tradisi, dan memperkenalkannya dengan warga sekolah yang lain. Warga sekolah juga dibahagikan dalam kumpulan dan akan membuat pameran mengikut suku kaum. Berlaku juga sesi komunikasi antara warga sekolah yang terdiri daripada ibu bapa, guru, pelajar dan kakitangan sokongan tentang kebudayaan masing-masing. Pengisian seperti ini telah memberikan peluang kepada warga sekolah mengetahui dan memahami kebudayaan orang lain. Terutama pakaian dan jenis makanan yang pelbagai.

“pada bulan 8 , Melalui karnival kebudayaan pelajar digalakkan memakai baju, membawa makanan tradisional, dan membuat pameran suku kaum masing-masing. P2T2

“Pihak sekolah menerapkan kesepaduan sosial melalui aktiviti sukan, kokurikulum, bulan kemerdekaan, dan karnival kebudayaan”. P2T2

Selain itu, sokongan PIBG juga boleh dilihat melalui ceramah agama dan nasyid yang diadakan di sekolah. Melalui ceramah agama dan nasyid yang dijemput ke sekolah oleh PIBG atau warga sekolah, pendedahan kesepaduan sosial melalui kebudayaan dapat diterapkan. Misalnya melalui ceramah agama dan nasyid ini telah diterapkan nilai-nilai perpaduan dan akhlak yang mulia semangat kerjasama serta sikap tolak ansur. Peserta kajian keenam menyatakan bahawa PIBG telah menjemput kumpulan nasyid ke sekolah melalui karnival PIBG yang telah diadakan.

“ PIBG antaranya menjemput kumpulan nasyid ke sekolah.” P6T6

Manakala peserta kesembilan menyatakan bahawa guru-guru telah membantu dalam aktiviti komuniti sebagai penceramah agama.


“Guru-guru membantu aktiviti dalam komuniti melalui penceramah agama...”P9T9

Ceramah agama bukan sahaja dibuat semasa karnival, tetapi juga semasa program kemerdekaan. Misalnya menjadi pengisian kemerdekaan semasa sambutan bulan kemerdekaan di sekolah. hal ini telah dijelaskan oleh peserta kajian ketujuh yang mengatakan bahawa

program kemerdekaan disambut dengan pelbagai aktiviti antaranya melikus poster, sukan, pidato, dan ceramah.

“program kemerdekaan melalui poster, sukan rakyat, pidato kemerdekaan, ceramah dan lain-lain.”P7T7

Rajah tersebut menerangkan tentang sokongan PIBG terhadap kesepaduan sosial melalui sokongan kebudayaan yang merangkumi karnival PIBG, sokongan program kebudayaan, dan ceramah agama.



Rajah 4: Sokongan PIBG terhadap Kesepaduan Sosial Melalui Aktiviti Kebudayaan

## Kesimpulan

Sokongan dan dorongan PIBG diperlukan oleh pihak sekolah bukan sahaja dari aspek kewangan, malah dari pelbagai aspek. Misalnya aspek perkhidmatan, tenaga, kehadiran dalam aktiviti atau program di sekolah. PIBG seharusnya menjalankan peranannya di sekolah bagi menjadi sokongan kepada pihak sekolah terhadap program atau aktiviti.

Pihak sekolah sesungguhnya memerlukan sokongan daripada PIBG bagi meningkatkan mutu pendidikan dan penglibatan ibu bapa dalam program di sekolah dapat meningkatkan kesan terhadap program atau aktiviti yang dirancang (Hardi Selamat Hood. 2016).

Kajian ini juga menjadi panduan terhadap aktiviti atau penglibatan PIBG di sekolah bagi membantu dan memberikan sokongan kepada pihak sekolah. PIBG boleh memberikan sokongan terhadap kesepaduan sosial melalui aktiviti kesukarelawan yang merangkumi gotong-royong, sukan dan permainan, program sekolah dan keceriaan. Malah PIBG juga boleh memberi sokongan terhadap kesepaduan sosial melalui sambutan perayaan melalui sambutan hari Raya, Ramadhan, Hari Kemerdekaan, dan ceramah agama. Akhir sekali adalah sokongan PIBG terhadap kesepaduan sosial melalui aktiviti kebudayaan di sekolah yang merangkumi karnival PIBG, program kebudayaan, dan ceramah serta nasyid.

## Rujukan

Akhmal Annas Hasmori, Hussin Sarju, Ismail Sabri Norihan, Rohana Hamzah & Muhammad Sukri Saud. 2011. Pendidikan, kurikulum dan masyarakat: Satu integrasi. *Journal of Edupres*, 1: 350-356.

- AnikGhufron. 2010. Integrasi Nilai-nilai Karakter Bangsa Pada Kegiatan Pembelajaran. *Jurnal Cakrawala Pendidikan*, 24: 1-15.
- Hardi Selamat Hood. 2016. Penglibatan Ibubapa Sebagai Pengurus Komite Sekolah Terhadap Kualiti Pendidikan. Tesis PHD. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jane Jenson. 1998. *Social Cohesion: The State of Canadian Research*. Canada: Remouf Publishing.
- Judith Maxwell. 1996. Social Dimension of Economic Growth. *The Eric John Hanson Memorial Lecture Series Volume VIII*, January 25. Department of Economics University of Alberta Edmonton, Alberta.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. 2018. Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah Perpaduan Nasional, *Jurnal SOSIOHUMANIKA*, 4(1): 33-48.
- Mohd Yusuf Abdullah ,Suhana Saad , Junaenah Sulehan, Noor Rahamah Abu Bakar, Abd. Hair Awang & Ong Puay Liu. 2016. Memahami kesepaduansosial di sempadan menerusi lensa komunikasi. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal Of Communication* 32(1): 516-534
- Mohd. Sharial Bungsu, Rahimah Abdul Aziz. 2016. Memperkukuh kesepaduan sosial: kajian ke atas komuniti penduduk tempatan dan orang luar (warganegara) di pulau Labuan, Malaysia. *Jurnal of social Sciences and humanities*. Special Issue 1: 218-228.
- Najeemah Mohd Yusof. 2006. Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysia secondary school. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 21: 149-164.
- Noresah Baharom, *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.2005
- Nurhijrah Zakaria, Sharifah Nor Puteh & Amla Salleh. 2012. Pemupukan kesepaduan sosial melalui kurikulum persekolahan di Malaysia. *The 3rd International Conference On Learner Diversity* 18-19 September 2012, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ISBN: 978-983-2267-43-0.
- Pam Robbins dan Harvey B.Alvy (1995). *“The Principle’s Companion- Strategies and Hints To Make The Job Easier.”* Corwin Press: Inc. London.
- Perlembagaan PIBG. Akta pendidikan akta pendidikan 1996. Peraturan – peraturan pendidikan (persatuan ibu bapa dan guru) 1998 [subperaturan 7(2).
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik*, Institut Kajian Etnik: Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Yin, R. K. 2012. *Application og Case Study Research*. London: Sage Publication.
- Zainon Omar & Ahmad Esa. 2008. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008*, 16 Oktober 2008, UTHM. “persepsi guru terhadap hubungan pihak sekolah dengan ibu bapa: proposal” Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.